

PERANAN AL-RIḤLAH AL-‘ILMIYYAH DALAM PENYEBARAN MAZHAB AL-ASH‘ARĪ DI DUNIA BARAT ISLAM DARI KURUN KE-6 HINGGA KE-8 HIJRAH

THE ROLE OF AL-RIḤLAH AL-‘ILMIYYAH IN THE SPREAD OF THE AL-ASH‘ARĪ SCHOOL OF THOUGHT IN THE WESTERN ISLAMIC WORLD FROM THE 6TH TO THE 8TH HIJRAH

Ahmad Arif Zulkefli¹
Mohamad Hafizi Rozali²
Mohammad Fahmi Abdul Hamid³
Khairul Azhar Meerangani⁴
Nurul Ain Kamarudin⁵
Ahmad Luqman Zulkefli⁶

¹ Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan AbdulHamid AbuSulayman, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Malaysia
(Co-responding E-mail: ahmadarif@iium.edu.my)

² Fakulti Pengajian Islam, Sultan Zainal Abidin University (UNISZA), Malaysia
(E-mail: hafizibarakat@gmail.com)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, (Email: fahmihamid@uitm.edu.my)

⁴ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, (Email: azharmeerangani@uitm.edu.my)

⁵ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, (Email: nurulainkamarudin19@gmail.com)

⁶ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka, (E-mail: ahmadluqmanzulkefli@gmail.com)

Article history

Received date : 15-3-2023
Revised date : 20-3-2023
Accepted date : 1-7-2023
Published date : 20-7-2023

To cite this document:

Zulkefli, A. A., Rozali, M. H., Abdul Hamid, M. F., Meerangani, K. A., Kamarudin, N. A., & Zulkefli, A. L. (2023). Peranan Al-Rihlah Al-‘ilmiyyah Dalam Penyebaran Mazhab Al-Ash‘arī Di Dunia Barat Islam Dari Kurun Ke-6 Hingga Ke-8 Hijrah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (54), 28 - 37.

Abstrak: *Al-riḥlah al-‘ilmiyyah atau permusafiran menuntut ilmu kadang kala dianggap sebagai satu perkara yang membebankan kerana terpaksa meninggalkan keluarga, menghabiskan masa dan merugikan wang. Namun tiada siapa yang dapat menyangkal fakta bahawa melalui permusafiran inilah berlakunya proses perpindahan maklumat. Dalam tradisi keilmuan Islam, pertemuan di Mekah sewaktu musim haji menjadi titik perkumpulan para sarjana dari Mashriq dan Maghrib yang bermusafir ke sana sekaligus menjadikan ia sebagai pusat penyebaran ilmu terutama dalam rangka penyebaran mazhab al-Ash‘arī walaupun dalam suasana keterbatasan teknologi komunikasi. Kajian ini dilakukan bagi melihat sejauh manakah proses penyebaran ini berlaku khususnya pada kurun ke-6 hingga ke-8 hijrah sekali gus mengkaji pihak-pihak yang terlibat dalam penyebaran mazhab ini di dunia barat Islam. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan analisis data daripada sumber primer yang berkaitan. Kemudian data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pada waktu ini, sarjana yang terlibat dalam proses ini merupakan pakar dan rujukan dalam bidang akidah*

yang berlegar antara tiga lokaliti yang berbeza iaitu Andalus, Maghrib dan Mashriq. Hasil pertemuan mereka ini, beberapa bentuk interaksi telah berlaku yang boleh disimpulkan kepada beberapa kategori iaitu penyalinan manuskrip-manuskrip kitab, periwayatan sanad hadith, pengijazahan dan munāwalah kitab serta proses pengajaran dan perpindahan ilmu (knowledge transmission). Hasilnya, ilmu yang berasal dari Mashriq sampai ke Maghrib serta Andalus dan begitu juga sebaliknya.

Kata Kunci: *Al-Riḥlah al-‘Ilmiyyah; Akidah Ash‘ariyyah; Mazhab Al-Ash‘arī, Ilmu Kalam*

Abstract: *Al-riḥlah al-‘ilmiyyah is sometimes considered a burden as it requires leaving one’s family, spending time and money. However, no one can deny the fact that through this journey, a process of information transfer occurs. In the Islamic scholarly tradition, the meeting in Mecca during the hajj season became a gathering point for scholars from Mashriq and Maghrib who traveled there and made it a center for the dissemination of knowledge, particularly for spreading the Ash‘arī school of thought, even in the absence of modern communication technology. This study was conducted to examine the extent of this dissemination process, particularly during the 6th to 8th centuries of the hijrah era, while also examining the parties involved in spreading this school of thought in the western Islamic world. This study is a literature review that uses qualitative methods involving data analysis from primary sources. The data obtained were analyzed using descriptive methods. The results show that at this time, the scholars involved in this process were experts and references in the field of aqīdah that revolved around three different localities, namely Andalus, Maghrib, and Mashriq. As a result of their meetings, various forms of interaction occurred, which can be categorized into manuscript copying, sanad hadith transmission, ijazah and munāwalah of books, as well as the process of teaching and knowledge transmission. As a result, knowledge originating from Mashriq reached Maghrib and Andalus, and vice versa.*

Keywords: *Al-Riḥlah al-‘Ilmiyyah; Ash‘arī Creed; Ash‘arī School of Thought; Kalam Science.*

Pendahuluan

Negara-negara di dunia barat Islam khususnya Maghribi sememangnya terkenal dengan pegangan mereka yang kuat terhadap mazhab al-Ash‘arī sejak kurun ke-6 hijrah (al-Murrākushī, t.th.: 235). Masyarakatnya berpegang dengan mazhab ini kerana kandungannya dapat menjawab semua persoalan dan menghilangkan segala kekeliruan mereka. Walaupun zaman tersebut merupakan zaman kemuncak kemunculan pelbagai aliran akidah dalam Islam, tetapi mereka lebih terpesona dengan akidah ini kerana kefahamannya selaras dan bertepatan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru itu, mereka cuba membentengi mazhab ini daripada segala bentuk penyelewengan yang ingin menembusnya melalui penulisan karya-karya ilmiah dan proses pengajaran pelbagai matan-matan ilmiah kepada generasi muda yang sedang membesar. Mereka menjadikan ia sebagai pegangan dalam akidah, sebuah kubu yang tidak dapat ditembusi oleh mana-mana pihak dalam mengelirukan dan menyelewengkan identiti orang-orang Maghribi. Secara tidak langsung, usaha ini memelihara keselamatan dan kestabilan psikologi dan sosial masyarakatnya. Umum mengetahui bahawa kelestarian dan kerelevanan akidah Ash‘ariyyah di Maghribi adalah disebabkan beberapa faktor seperti:

- i. *Al-riḥlah al-‘ilmiyyah* (rehlah ilmiah) yang berlaku antara Mashriq (timur) dan Maghrib (barat) dunia Islam.
- ii. Ketokohan Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī di kalangan masyarakat Maghribi.

- iii. Penulisan teks-teks (*mutūn*) ilmiah dalam bidang akidah serta kecaknaan masyarakatnya yang tinggi dalam berinteraksi dengannya sama ada dalam bentuk syarahan, komentar, ringkasan susunan semula atau syair (*nazm*) (al-Murrākushī, t.th.: 236-237).

Dalam artikel ini, penulis hanya akan memfokuskan faktor pertama dan kedua sahaja, manakala faktor yang ketiga akan dihuraikan dalam artikel yang lain.

1. Kepentingan *al-rahālāt al-‘ilmiyyah* (rehlah-rehlah ilmiah) dalam penyebaran akidah Ash‘ariyyah ke Maghrib.

Rehlah-rehlah ilmiah sangat penting dalam penerimaan, pembelajaran, penyebaran ilmu pengetahuan, penghasilan karya ilmiah dan sebagainya. Perkara inilah yang sebenarnya banyak menyumbang kepada penyebaran akidah Ash‘ariyyah bukan sahaja di barat, bahkan ke serata dunia Islam (al-Murrākushī, t.th.: 237).

Perbincangan tentang biografi ulama-ulama Asha‘irah yang menyumbang dalam penyebaran akidah ini di dunia barat Islam sangat panjang, bermula dari awal kurun ke-4 hijrah kerana bilangan mereka yang sangat ramai. Para ulama ini pada zaman tersebut mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan dunia timur Islam, terutamanya menerusi perjalanan (*al-riḥlah al-‘ilmiyyah*) yang kerap berlaku antara Maghrib dan Mashriq. Menerusi jajaran ini, akidah Ash‘ariyyah yang bermula dari Mashriq (iaitu Baṣrah, Iraq) dengan segala perbincangan kalāmīyyahnya tersebar hingga ke hujung dunia barat Islam iaitu Maghribi (Morocco).

Antara mereka yang memainkan peranan besar dalam proses ini di Maghrib ialah Abū Dhār al-Harawī yang mempunyai hubungan yang rapat dengan mereka. Ibn Kathīr berkata:

“Orang-orang Maghribi mengambil akidah Ash‘ariyyah daripada Shaykh Abū Dhār al-Harawī (w. 434H)”

(Ibn Kathīr, 1999: 12/50).

Antara yang berguru dengan beliau ialah Shaykh Abū ‘Imrān al-Fāsī (w. 430H), Shaykh Abū al-Walīd al-Bājī (w. 474H) dan lain-lain.

Kebanyakan ulama Maghribi yang bermazhab al-Ash‘arī, sanad mereka bersambung dengan ulama besar Ash‘ariah dari Mashriq seperti Shaykh Abū Bakr al-Bāqillānī (w. 403H), Shaykh Abū al-Ma‘ālī ‘Abd al-Malik al-Juwaynī (w. 478H) dan Shaykh Abū Ḥāmid al-Ghazālī (w. 505H). Ulama-ulama ini dimusuhi dan dikekang dengan sangat teruk, terutamanya semasa era pemerintahan kerajaan al-Murābiṭīn, seperti yang disebutkan oleh al-Murrākushi dalam kitabnya *al-Mu‘jib* apabila membicarakan perihal Yūsuf bin Tashfīn (w. 500H), seorang tokoh pemerintah kerajaan al-Murābiṭīn:

“Beliau sangat menitik beratkan ilmu furu‘ yakni feqh mazhab Mālikī, banyak menghabiskan harta untuk tujuan tersebut, bertindak mengikutnya dan membuang apa yang selain daripadanya sehingga beliau lupa untuk melihat kitab Allah SWT dan hadith Rasulullah SAW. Orang-orang pada waktu itu mengutuk semua orang yang menyelami lautan ilmu kalam, sehinggakan para fuqahā’ membuat keputusan bersama pemerintah dalam mengkritik, melarang dan mengharamkan mana-mana individu yang terlibat dalam ilmu ini dan menganggap ia sebagai satu bentuk bidaah di dalam agama yang boleh merosakkan akidah ... sehingga beliau (Yūsuf bin

Tashfin) juga turut membenci ahli kalam. Beliau sering menulis kepada para gabenornya untuk melarang keras mana-mana individu untuk cenderung kepada ilmu ini dan menjanjikan kesengsaraan kepada mereka yang memiliki kitab-kitab ahli kalam ini. Apabila kitab-kitab Abū Hāmid al-Ghazālī raḍiyallāhu ‘anhu mula masuk ke Maghribi, pemerintah memerintahkan agar ianya dibakar dan mengancam untuk membunuh serta menyita harta orang yang terlibat dengannya” (al-Murrākushī, t.th.: 236-237).

Ibn Khumayr al-Sebtī (w. 614H) dalam kitab beliau *Muqaddimāt al-Marāshid* juga merekodkan perkara yang sama seperti al-Murrākushi, berkenaan ketegangan dan penolakan terhadap ulama yang bergiat dalam ilmu kalam, kecenderungan rakyat terhadapnya dan pengisytiharan permusuhan terhadap mereka (al-Sebtī, 2004: 51).

***Al-Raḥalāt al-‘Ilmiyyah* (rehlah-rehlah ilmiah) Dari Mashriq Ke Maghrib.**

Perpindahan ilmu (*knowledge transmission*) dari Mashriq ke Maghrib sangat banyak tidak dapat dihitng. Ilmu kalam khususnya akidah Ash‘ariyyah juga tidak terlepas daripada proses ini. Sebagai contoh, kesan yang ditinggalkan oleh tiga tokoh ulama besar iaitu al-Baqillānī, al-Juwaynī dan al-Ghazālī adalah merupakan tinggalan keilmuan yang dimanifestasikan menerusi karya penulisan yang hebat menyebabkan para penuntut ilmu berkumpul disekeliling mereka. Antara ulama Mashriq yang memberi sumbangan dalam proses perpindahan ilmu ini ialah:

- i. Abū ‘Abd Allah al-Ḥusayn bin ‘Abd Allah bin Ḥātim al-Adhrī (w. 423H): Ibn Asākir berkata tentang al-Qāḍī al-Bāqillānī:

“Setelah kewafatannya, beliau meninggalkan sejumlah besar pelajar yang bertebaran di seluruh negara... Dua daripadanya menuju ke Maghrib iaitu Abū ‘Abd Allah al-Adhrī ...”

(Ibn ‘Asākir, 1347H: 120).

- ii. Abū Ṭāhir al-Baghdādī (w. 394H): Abū ‘Imrān al-Fāsī berkata tentang eliau:

“Seandainya ilmu kalam itu adalah ṭayālisān (selendang kebesaran), maka hanya Abū Ṭāhir al-Baghdādī sahaja yang akan memakainya (menguasainya).”

(Ibn ‘Asākir, 1347H: 121)

“Dan jika tidak kerana beliau, nescaya akan hilang ilmu di Maghribi”

(Ibn ‘Asākir, 1347H: 122).

***Al-Raḥalāt al-‘Ilmiyyah* (rehlah-rehlah ilmiah) Dari Maghrib Ke Mashriq Kemudian Kembali Semula Ke Maghrib**

Terdapat beberapa siri *raḥalāt* ini, antaranya ialah:

- i. Rehlah Shaykh Abū Maymūnah Darrās bin Ismā‘īl al-Fāsī (w. 357H) dari Fes, Maghribi ke Mashriq dan kemudian kembali ke Maghribi:

Beliau adalah antara ulama yang terawal menyebarkan akidah Ash‘ariyyah di Maghribi, beliau berguru dengan Ibn Abū Maṭār, Ibn al-Labbād dan lain-lain. Antara murid beliau ialah Khalaf bin Abū Ja‘far, al-Qabīsī dan Ibn Abī Zayd. Beliau juga merupakan orang pertama yang membawa masuk kitab feqh mazhab Mālikī; *al-Mudawwanah* karangan Shaykh ‘Abd al-Salām

bin Sa'īd yang terkenal dengan laqab 'Sahnūn' (w. 240H) ke Fes, menyebabkan mazhab Mālikī menjadi terkenal di sana (Ibn Makhlūf, 1349H: 103).

ii. Rehlah Shaykh Abū Muḥammad al-Aṣīlī (w. 393H) dari Aṣīlah, Maghribi: Beliau mengembara ke Mashriq pada tahun 351 hijrah, merupakan sahabat kepada Shaykh Abū Maymūnah Darrās bin Ismā'īl dan Shaykh Abū al-Ḥasan al-Qabīsī (w. 403H). Sewaktu bermusafir ke Mesir, beliau berguru dengan Shaykh Abū Ṭāhir al-Baghdādī, Hamzah al-Kinānī (w. 357H), Ibn Sha'bān (w. 355H) dan lain-lain.

iii. Rehlah Shaykh Abū al-Ḥasan 'Alī bin Muḥammad bin Khalaf al-Mu'āfirī, yang dikenali sebagai Ibn al-Qabīsī (w. 403H), seorang *faqīh*, *nuzzār*, *uṣūlī* dan *mutakallim* (Ibn Makhlūf, 1349H: 97): Beliau bermusafir ke Mashriq pada tahun 352 hijrah dan berguru dengan ulama besar pada zamannya. Ibn 'Asākir menyebutkan bahawa beliau menulis sebuah risalah tentang kemuliaan dan kelebihan (*faḍl*) Shaykh Abū al-Ḥasan Al-Ash'arī (Ibn 'Asākir, 1347H: 122).

iv. Rehlah Shaykh Abū 'Imrān al-Fāsī (w. 430H): Beliau adalah antara ulama yang terawal menyumbang kepada penyebaran akidah Ash'ariyyah di Maghribi, berguru dengan al-Qāḍī Abū Bakr al-Bāqillānī semasa perjalanannya ke Mashriq. Beliau sering berulang-alik antara Maghribi dan Andalus dan sempat berguru dengan murid kanan Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ash'arī iaitu Shaykh Abū al-Qāsim al-Suyūrī (w. 462H), Shaykh 'Abd al-'Aziz al-Dībāj, Shaykh Ibn al-Ṣabūnī (w. 478H) dan Shaykh Abū Bakr 'Atīq al-Sūsī (w. 430H).

v. Rehlah Shaykh Abū Muḥammad 'Abd Allah bin Ibrāhīm Al-Aṣīlī (w. 393H) dari Aṣīlah, utara Maghribi.

vi. Rehlah al-Muḥaddith Shaykh Abū 'Umar al-Ṭalamankī (w. 429H), berasal dari Talamanca, Ibiza, Andalus.

vii. Rehlah al-Muqri' Shaykh Abū 'Amr al-Dānī (w. 44H) berasal dari Cordoba, Andalus.

viii. Rehlah al-Qāḍī Shaykh Abū Al-Walīd al-Bājī (w. 474H) berasal dari Bijāyah, Algeria.

Keempat-empat orang ulama ini merupakan antara ulama besar yang menyebarkan akidah Ash'ariyyah di Mashriq dan perintis dalam penyebarannya di Maghrib dan Andalus.

ix. Abū al-Qāsim 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad al-Mu'āfirī, yang dikenali sebagai Ibn al-Fuluw (w. 502H):

Beliau berasal dari Ceuta, Andalus, kemudian mengembara menuntut ilmu di Mashriq di mana beliau bertemu dan berguru dengan ulama besar pada masanya seperti Shaykh Abū al-Walīd al-Bājī, Shaykh Abū al-Ma'ālī 'Abd al-Malik al-Juwaynī dan Shaykh Ibn Hārūn al-Saqallī (w. 466H) yang berasal dari Sicilia (Itali) dan lain-lain.

x. Rehlah Shaykh Muḥammad bin Tūmart (w. 524H) ke Mashriq dan kemudian kembali ke Maghribi:

Ketika pemerintahan kerajaan al-Murābiṭīn, masyarakat Maghribi dalam akidah berpegang dengan pegangan mazhab salaf iaitu beriman dengan zahir *nuṣūṣ* dan tidak mentakwil atau

mentafsirkan ayat-ayat *mutashābihat*. Perkara ini berterusan secara rasmi sewaktu pemerintahan kerajaan tersebut sehinggalah disaat akhir pemerintahan mereka beberapa penyelewengan telah berlaku seperti kemasukan pegangan *tajsīm* dan sebagainya. Beberapa ulama besar bermazhab al-Ash‘arī cuba mengubah perkara ini pada waktu tersebut, tetapi idea mereka tidak berjaya meneroboh masuk ke dalam masyarakat disebabkan faktor politik.

Kemungkinan, inilah antara sebab mengapa Muḥammad bin Tūmart al-Muwahhīdī berhijrah ke Mashriq untuk mempelajari pelbagai bidang ilmu khususnya ilmu kalam. Menurut catatan sejarah, ketika berada di Mashriq, Ibn Tūmart sempat berguru dengan Imam al-Ghazālī sewaktu belajar di madrasah al-Nizzāmiyyah di Baghdad (Reynold A. Nicholson, 1907, 431). Setelah pulang ke Maghribi, beliau menulis karya, berdebat dan menyebarkan dakwah di kalangan tokoh-tokoh al-Murābiṭīn kerana mereka menggunakan kekuatan mereka sebagai pemerintah untuk memenjarakan orang yang berlainan pegangan. Beberapa tokoh mereka bermunāẓarah dengan beliau dihadapan Yūsuf bin Tashfīn. Al-Murrākushī ketika menggambarkan keadaannya selepas kembali dari Mashriq dan tinggal di Tilimsan berkata:

“Apa yang dibawa oleh Ibn Tūmart adalah intipati akidah mazhab al-Ash‘arī, kebanyakan orang-orang Maghrib telah mengasingkan diri mereka daripada ilmu ini dan memusuhi mereka yang menzahirkan diri di atas pegangan ini”
(al-Murrākushī, t.th.: 251).

Oleh itu, Muḥammad bin Tūmart telah memainkan peranan yang penting dalam menyebarkan mazhab Ash‘arī di sana. Apabila kerajaan al-Murābiṭīn runtuh, beliau bangkit berusaha untuk menyebarkan akidah ini. Ulama-ulama yang sebelum ini disekat daripada menyebarkan akidah ini bangun mempertahankan beliau dan mengajarkan kitab-kitab, *mukhtaṣar-mukhtaṣar* dan *naẓam-naẓam* yang ditulis untuk membantu orang ramai memahami akidah ini di masjid-masjid, madrasah-madrasah, pusat-pusat pengajian dan sebagainya. Tokoh sejawan; Ibn Khaldūn berkata:

“Ibn Tūmart datang selepas kejatuhan al-Murābiṭīn, mengajak kepada kebenaran, mengamalkan mazhab al-Ash‘arī, menyeru penduduk Maghrib untuk meniru orang-orang salaf dalam berpegang kepada nuṣūṣ syariah yang jelas, dan mentakwilkan nuṣūṣ yang boleh membawa kepada fahaman *tajsīm* seperti yang diketahui daripada mazhab al-Ash‘arī. Beliau memanggil pengikutnya sebagai ‘al-muwahhīdīn”

(Ibn Khaldūn, 1858: 1/413).

Justeru itu, usaha Ibn Tūmart ini tidak boleh diabaikan, kerana beliau telah mendedikasikan sebahagian kehidupannya untuk berkhidmat menyebarkan mazhab ini kepada orang-orang awam dan bangsawan serta membuka ruang untuk para ulama berkhidmat terhadap mazhab ini. Usaha ini berterusan walaupun selepas kewafatannya hasil kesinambungan kemantapan akidah dan kekuatan politik, dan ia berakar umbi dalam kalangan masyarakat sehingga ia menjadi akidah rasmi negara bermula kurun ke-6 hijrah sehinggalah hari ini (Ibn Tūmart, t.t.: 2). Usaha beliau ini sinonim dengan penyebaran kitab beliau yang berjudul *al-‘Aqīdah al-Murshidah* dan jika diteliti, kitab beliau ini adalah sejajar dengan pemikiran mazhab al-Ash‘arī.

Namun penting untuk diketahui, bahawa Ibn Tūmart merupakan seorang tokoh politik, beliau hidup dalam peperangan, yang mungkin kadang kala menggunakan agama untuk menjustifikasikan tindakan beliau. Walaupun seorang yang bermazhab al-Ash‘arī, ada beberapa

pemikiran beliau yang bercanggah dengan mazhab ini seperti isu Imam Mahdi dan adalah tidak tepat untuk mengatakan beliau mewakili mazhab al-Ashā'irah secara keseluruhan. Begitu juga untuk mengatakan mazhab al-Ashā'irah akan hancur tanpa beliau juga tidak tepat.

- xi. Rehlah Shaykh 'Alī bin 'Aṭīq bin Mu'min al-Khazrajī al-Qurṭubī (w. 598H) berasal dari Cordoba, Andalus (al-Murrākushī, 1973: 5/256):

Beliau berlabuh di kota Fes setelah bermusafir dari Cordoba dan menuju ke Mashriq pada tahun 560 hijrah (al-Murrākushī, 1973: 5/258). Beliau memiliki ramai guru antaranya ialah Abū Ṭāhir al-Baghdādī dan juga memiliki ramai murid (al-Murrākushī, 1973: 5/259).

Al-Raḥalāt al-'Ilmiyyah (rehlah-rehlah ilmiah) Antara Maghrib Dan Andalus

- i. Rehlah Shaykh Abū al-Qāsim 'Abd al-Jalīl bin Abū Bakr al-Rabī'ī al-Qurawī, yang dikenali sebagai Ibn al-Ṣābūnī (w. 478H):

Beliau mempunyai sanad yang sambung dengan Abū 'Imrān al-Fāsī, Abū al-Qāsim al-Kharqī (w. 334H) dan Abū 'Abd Allah al-Adhrī; murid Shaykh Abū Bakr al-Bāqillānī. Beliau juga mengarang sebuah kitab berjudul *Risālah fī al-'Itiqād* (Ibn al-Abbār, 1995: 3/133).

- ii. Rehlah Shaykh Abū 'Imrān al-Fāsī: Telah pun disebutkan.

- iii. Rehlah Shaykh Abū Bakr Muḥammad bin al-Ḥasan al-Murādī (w. 489H):

Beliau selalu berulang-alik antara Qayrawān (Tunis), Andalus dan Maghribi, merupakan salah seorang ulama terkemuka yang mempunyai peranan besar dalam penyebaran akidah Ash'ariyyah di Maghribi. Beliau juga mempunyai sebuah *magnum opus* berjudul *'Aqīdah Abī Bakr al-Murādī al-Ḥaḍramī*.

- iv. Rehlah Shaykh Abū Muḥammad 'Abd al-Ghālīb bin Yūsuf al-Sālīmī (w. 516H):
Al-Qāḍī 'Iyāḍ berkata:

“Beliau merupakan seorang mutakallim Ahli Sunnah al-Ashā'irah, berguru dengan Ibn Shibrīn al-Qāḍī dan lain-lain, dan ramai orang belajar daripadanya. Beliau adalah seorang yang berakhlak mulia, alim, seorang imam dan mempunyai banyak karya. Beliau menghabiskan banyak masa di Ceuta semasa tinggal di sana, kemudian berpindah ke Maghribi dan meninggal dunia di Marrakesh pada tahun 516 hijrah”

(Al-Qāḍī 'Iyāḍ, 1982:169-170).

- v. Rehlah Shaykh Abū Bakr bin al-'Arabī al-Mu'āfirī (w. 543H):

Beliau merupakan antara ulama Maghribi yang sangat masyhur, namanya sering disebut dan banyak memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Tidak ada keraguan pada kealiman beliau dalam mazhab al-Ash'arī, merupakan murid kanan Shaykh Abū Ḥāmid al-Ghazālī.

- vi. Rehlah Shaykh Ibn al-Ishbīlī, 'Alī bin Muḥammad bin Khalid al-Andalusī (w. 567H):

Beliau merupakan salah seorang ulama mazhab Ash'arī dan penyumbang kepada kesinambungan mazhab ini pada peringkat awal pengasasan kerajaan al-Muwahḥidīn sewaktu pemerintahan 'Abd al-Mu'min bin 'Alī al-Kūmī. Beliau berpindah dari Andalus ke Fes, kemudian ke Marrakesh, ibu kota kerajaan al-Muwahḥidīn pada zaman itu. Shaykh Abū Amr al-Salālijī (w. 574H); seorang *mutakallim* bermazhab Ash'arī berguru dengan beliau (al-Tādilī, 1997: 198). Ibn 'Abd al-Malik menyebutkan:

“Beliau merupakan guru besar di Marrakesh, ramai pelajar berguru dengan beliau, petah berpidato dihadapan khalifah. Aku bertemu dengannya di Marrakesh pada tahun 560 hijrah dan membaca dihadapannya kitab ‘Aqīdah al-Tawhid, ‘Aqīdah al-Tāhirah, A‘azzu Ma Yuṭlab dan sebagainya. Sewaktu membacakan kitab ini, beliau telah mensyarakannya dengan baik, membuka segala yang tertutup dan menguraikan segala yang tersimpul” (‘Abd al-Malik, 1987: 161-162).

- vii. Rehlah Shaykh Abū Muḥammad ‘Abd al-Ḥaq bin Muḥammad al-Sakūnī (w. 580H):

Beliau sering berulang alik antara Andalus dan Fes, merupakan salah seorang murid al-Salālījī, dan mempunyai syarahan terhadap kitab *al-‘Aqīdah al-Burhāniyyah*.

- viii. Rehlah Shaykh ‘Alī bin ‘Atīq bin Mu‘min al-Khazrajī al-Qurtubī (w. 598H):

Beliau sering berulang alik antara Andalus dan Fes dan belajar daripada ulamannya, antaranya ialah al-Salālījī dalam ilmu tauhid (al-Murrākushī, 1973: 5/256).

- ix. Rehlah Abū ‘Abd Allah Al-Kattānī (w. 596H):

Beliau sering mengembara antara Andalus, Qayrawan dan Maghribi, mempunyai peranan yang besar dalam membumikan akidah Ash‘ariyyah di Maghribi, merupakan murid al-Salālījī yang paling senior dan mempunyai syarahan yang agak panjang bagi kitab *al-‘Aqīdah al-Burhāniyyah* (al-Bakhtī, 2005: 181).

- x. Rehlah Shaykh Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Muḥammad bin Muḥammad bin Ibrāhīm bin Mūsā al-Anṣārī al-Khazrajī al-Fāsī al-Ishbīlī, dikenali sebagai Ibn al-Hiṣār (w. 620H):

Beliau berasal dari Sevilla, Andalus, tinggal di Ceuta, Marrakesh, dan lain-lain. Beliau mempunyai rehlah ke Mashriq, merupakan seorang ulama bermazhab al-Ash‘arī yang kuat membelanya dan sangat alim dalam selok belok ilmu kalam (al-Murrākushī, 1973: 8/209).

2. Ketokohan Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī di kalangan masyarakat Maghribi.

Akidah Ash‘ariyyah dinisbahkan kepada Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī. Ketokohan beliau tidak perlu lagi untuk dibahaskan secara panjang lebar kerana telah banyak ditulis oleh para pengkaji lain. Memadai bagi kita untuk mengetahui apa yang disebutkan oleh Tāj al-Dīn al-Subkī tentang beliau dalam kitab *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*:

“Beliau ialah Shaykh mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah, *imam al-mutakallimīn, nāṣir al-sunnah*, yang mempertahankan agama dan berusaha memelihara akidah umat Islam sehingga akhir zaman. Seorang imam yang bijaksana lagi soleh, menjaga agama daripada penyelewengan dan bangkit untuk mendokong agama Islam, sehingga ia mencapai kegemilangannya”

(al-Subkī, t.th.: 3/347).

“Ketahuilah bahawa Abū al-Ḥasan tidak mendatangkan pendapat yang bidaah dan mendirikan mazhab baru dalam agama, akan tetapi beliau menegakkan akidah-akidah golongan salaf yang terdahulu, memperjuangkan apa yang difahami oleh para sahabat Rasulullah SAW, mendatangkan dalil dan burhān terhadap akidah tersebut. Orang-orang yang mengikuti beliau dalam pegangan ini dinamakan Ash‘ariyyah”

(al-Subkī, t.th.: 3/365).

Di tempat lain beliau mengatakan:

“Abū al-Ḥasan bukanlah mutakallim pertama yang berbicara tentang Ahli Sunnah, akan tetapi beliau mengikuti sunnah orang lain dalam menyokong mazhab yang terkenal ini. Maka mazhab tersebut bertambah kukuh hujah dan penjelasannya. Beliau tidak mengada-adakan akidah baru, dan tidak pula mengasaskan mazhab tersendiri, tidakkah kamu melihat bahawa mazhab Ahli Madīnah itu dinisbahkan kepada Imam Mālik. Dan orang yang mengikut mazhab Ahli Madīnah itu dipanggil Mālikī, sedangkan Imam Mālik hanya mengikuti jalan orang-orang sebelumnya dan beliau adalah pengikut mereka, namun apabila mazhab itu bertambah jelas dan mudah, ia dinisbahkan kepada beliau. Begitu juga dengan Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī, tidak ada bezanya, tidak ada golongan salaf yang lebih banyak mensyarahkan, mengarang kitab dan menyebarkannya melebihi beliau”

(al-Subkī, t.th.: 3/367).

Inilah yang terjadi, mazhab beliau telah berkembang luas ke negara-negara Islam dan sampai ke Maghrib (merangkumi empat buah negara iaitu Maghribi, Algeria, Tunisia dan Mauritania) sehingga menjadi pegangan rasmi di negara-negara ini bermula zaman pemerintahan kerajaan al-Muwaḥḥidīn (1147M) sehinggalah ke hari ini.

Penutup

Menerusi usaha-usaha ini, Maghrib yang sebelum ini sunyi daripada mazhab al-Ash‘arī ini kini kuat berpegang teguh dengannya sehinggakan sebahagian daripada negara-negara itu menjadikan ia sebagai salah satu klausa di dalam perlembagaan negara seperti yang dilakukan oleh Maghribi:

في عقد أشعري وفقه مالكي وفي الجنيذ السالكي

Terjemahan: Bermazhab al-Ash‘ari di dalam akidah, bermazhab al-Mālikī di dalam feqh, dan bermazhab al-Junayd di dalam tasawuf.

Tuntasnya, kelestarian akidah ini adalah disebabkan oleh tiga faktor utama, iaitu; kedudukan *al-rahālāt al-‘ilmiyyah* yang berlaku antara tiga lokaliti berbeza iaitu Maghrib, Andalus dan Mashriq, Shaykh Abū al-Ḥasan al-Ash‘arī di sisi masyarakat Maghrib, dan penulisan matan-matan ilmiah dalam bidang akidah serta kecaknaan masyarakatnya dalam berinteraksi dengannya.

Sewaktu pertemuan para intelektual ini berlaku, proses *knowledge transmission* ini telah berlaku. Ia merangkumi beberapa bentuk seperti: penyalinan manuskrip, proses pembelajaran, bertukar-tukar kitab, meriwayatkan hadith atau *munawalah* kitab dan sebagainya. Inilah rahsia bagaimana mazhab ini yang pada mulanya hanya berlegar sekitar Mashriq tetapi akhirnya sampai ke Maghrib dan Andalus.

Faktor utama kenapa mazhab ini boleh berkembang di Maghribi ialah kerana ia merupakan kesinambungan daripada fahaman salafussoleh yang dipegang oleh masyarakat sewaktu pemerintahan kerajaan al-Murābiṭīn bermula zaman para Sahabat RA. Apabila Ibn Tūmart datang membawa pemikiran al-Ash‘arī, masyarakatnya melihat ia adalah satu gagasan yang sama dengan apa yang mereka pegang sebelum ini, justeru itu tidak ada sebab untuk menolaknya. Namun tidak dinafikan, tekanan politik yang dikenakan oleh Ibn Tūmart juga

sedikit sebanyak mempengaruhi penyebaran mazhab ini melalui kitab beliau *al-‘Aqīdah al-Murshidah*.

Rujukan

- ‘Abd al-Malik, Şāhib al-Şalah. (1987). *Al-Man Bi al-Imāmah Tārīkh Bilād al-Maghrib wa al-Andalus Fī ‘Ahd al-Muwaḥḥidīn*. Taḥqīq: ‘Abd al-Hādī al-Tāzī. *Dār al-Gharb al-Islāmī*, Beirut.
- Al-Bakhtī, Jamāl ‘Allāl. (2005). ‘Uthmān al-Salālijī wa Madhhabiyatuhu al-Ash‘ariyyah – Dirāsah li Jānib Min al-Fikr al-Kalāmī bi al-Maghrib Min Khilāl al-Burhāniyyah wa Shurūḥuhā. *Wizārah al-Awqāf al-Maghribiyyah*, Rabat.
- Al-Murrākushī, ‘Abd al-Wāhid. (T.Th). *Al-Mu‘jib Fī Talkhīṣ Akhbār al-Maghrib*. Taḥqīq: Muḥammad Sa‘īd al-‘Aryān. *al-Majlis al-‘Alī Li al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah*, United Arab Emirates.
- Al-Murrākushī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Abd al-Malik. (1973). *Al-Dhayl wa al-takmilah Li Kitābay al-Mawṣūl wa al-Şilah*. Taḥqīq: Muḥammad bin Sharīfah. *Dār al-Thaqāfah*, Beirut.
- Al-Qāḍī ‘Iyāḍ, Mūsā al-Yahşūbī. (1982). *Al-Ghunyah Fehrasah al-Shuyūkh*. Taḥqīq: Mākher Zuhayr Jarār. *Dār al-Gharb al-Islāmī*, Beirut.
- Al-Sebtī, Ibn Khumayr. (2004). *Muqaddimāt al-Marāshid Ila ‘Ilm al-‘Aqā’id*. Ed.: Al-Bakhtī Jamāl ‘Allāl. *Maṭba‘ah al-Khalīj al-‘Arabī*, Tetouan.
- Al-Subkī, Tāj al-Dīn Abī al-Naṣr ‘Abd al-Wahhāb bin ‘Alī bin ‘Abd al-Kāfi. (T.Th). *Ṭabaqāt al-Shāfi‘iyyah al-Kubrā*. Taḥqīq: Maḥmūd al-Ṭanāḥī & ‘Abd al-Fattāḥ al-Ḥulu. *Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyah*, Beirut.
- Al-Tādilī, Abū Ya‘qūb Yūsuf bin Yaḥyā. (1997). *Al-Tashawwuf Ila Rijāl al-Taşawwuf*. Ed.: Aḥmad Tawfiq. *Maṭba‘ah al-Najāh*, Casablanca.
- Ibn al-Abbār, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Abd Allah bin Abī Bakr al-Quḍā’ī al-Balencī. (1995). *Al-Takmilah Li Kitāb al-Şilah*. Taḥqīq: ‘Abd al-Salām al-Harrās. *Dār al-Fikr*, Beirut.
- Ibn ‘Asākir, Abū al-Qāsim ‘Alī bin al-Ḥasan bin Hibbah Allah al-Dimashqī. (1347H). *Tabayīn Kadhib al-Muftarī Fīmā Nusiba Ilā al-Imām Abī al-Ḥasan al-Ash‘arī*. Taḥqīq: Muḥammad Zāhid al-Kawtharī. *T.Pt*, Kaherah.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ Ismā‘īl bin ‘Umar. (1999). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Taḥqīq: ‘Abd Allah bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turkī. *Ṭab‘ Hajar Li al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr*, Egypt.
- Ibn Khaldūn. (1858M). *Al-Muqaddimah*. Taḥqīq: Étienne Marc Quatremère. *Maktabah Lubnān*, Beirut.
- Ibn Makhlūf, Muḥammad bin Muḥammad. (1349H). *Shajarah al-Nūr al-Zakiyyah Fī Ṭabaqāt al-Mālikiyyah*. *al-Maṭba‘ah al-Salafiyyah*, Kaherah.
- Ibn Tūmart, Muḥammad. (T.t.). *A‘azzu Ma Yuṭlab*. Ed.: ‘Abd al-Ghanī Abū al-‘Azm. *Mu‘assasah al-Ghanī li al-Nashr*, Rabat.
- Reynold A. Nicholson. (1907). *A Literary History of the Arabs*. *Charles Scribner’s Sons*, New York.